



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 7: BILANGAN 1.

BANDAR BRUNEI, RABU 3 JANUARY, 1962. (26 Rejab, 1381).

PERCHUMA

SAMBUTAN TAHUN BAHARU:

TITAH D.Y.M.M. MAULANA SULTAN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia telah menyatakan dalam titah ucapan Baginda "menyambut tahun baharu" bahawa kejayaan2 yang telah kita raih pada tahun 1961 ada-lah satu bukti bahawa semua-nya itu ada-lah hasil dari kesedaran ra'ayat dalam hal kemajuan dan kema'amoran negeri ini.

Baginda juga telah menelah bahawa Tahun 1962 ada-lah tahun yang akan mendatangkan kebajikan kepada Negeri Brunei dalam menempoh sejarah baharu dan kemajuan baharu.

Melalui Radio Brunei pada malam 31 December tahun lalu itu Duli Yang Maha Mulia telah berseru kepada ra'ayat tentang harapan2 dan niat suci Baginda



D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan

untuk kepentingan dan kebajikan ra'ayat seluruh-nya.

Titah ucapan Baginda sa-penoh-nya ada-lah seperti berikut :

"Ra'ayat beta yang di-kasehi, dari sa'at tuan2 sekalian mendergar ucapan beta ini hanya beberapa jam sahaja lagi tahun baharu, tahun 1962 akan menjelang. Ini bererti tahun 1961 akan kita tinggalkan dan kita akan menempoh dalam kehidupan kita di-tahun 1962.

"Pada tiap2 tahun, beta, dalam menyambut awal tahun yang seperti ini kerap kali beta sebutkan harapan2 dan niat suci dari beta untuk kepentingan dan kebajikan ra'ayat beta yang beta harap2kan semoga Allah akan mengkabulkan dan memberi rahmat kepada kita sekalian.

"Bagaimana pun beta sangat berbesar hati dan mengucapkan shukor kepada Allah s.a.w. yang telah memberikan taufik dan hi-

(Lihat Muka 4)

UCHAPAN MENTERI BESAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un telah menegaskan bahawa dengan menjelang-nya tahun baharu 1962 kita akan membaharui azam dan meneruskan pekerjaan2 dan perjuangan2 untuk kebaikan, keuntongan dan keselamatan.

Dato Setia Marsal antara lain dalam ucapan menyambut tahun baharu itu telah menyampaikan ucapan terima kasih kepada seluruh ra'ayat yang telah memberikan kerja sama dalam menjayakan beberapa rancangan2 dan usaha2 Kerajaan yang mendatangkan kema'amoran bagi seluruh ra'ayat.

Beliau juga menyatakan harapan-nya kepada seluruh ra'ayat negeri ini supaya memberikan kerja sama, memberikan fikiran2 yang membena untuk kepentingan dan kebahagiaan seluruh penduduk dan Negeri Brunei.

Ucapan Menteri Besar sa-penoh-nya ada-lah seperti berikut :

"Sa-bagaimana biasa pada tiap2 kali menyambut awal Tahun Masehi ini telah menjadi teradat pada kita yang ketua pentadbir dari tiap2 negara akan memberi ucapan kepada sekalian penduduk2 di-dalam negeri itu.

"Saya mengambil kesempatan kepada tuan2 dan puan2 sekalian "selamat menyambut tahun baharu" dan semoga tuan2 sekalian akan sentiasa berada dalam pemeliharaan Allah dan sentiasa di-dalam keadaan sehat wal-afiat

(Lihat Muka 4)



Y.A.B. Dato Setia Marsal

UCHAPAN PESUROH JAYA TINGGI

BANDAR BRUNEI. — Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Sir Dennis Charles White telah menyatakan bahawa tahun 1962 ada-lah akan merupakan tahun yang mustahak dalam sejarah Brunei.

Beliau juga berdo'a semoga tahun 1962 ini akan mendatangkan keamanan, keselamatan, kemewahan dan kemajuan kepada Duli Yang Maha Mulia dan kerabat Di-Raja dan kepada sekalian ra'ayat dan penduduk Negeri Brunei.

Sir Dennis White berkata demikian ketika membuat ucapan menyambut tahun baharu 1962, dan beliau menegaskan bahawa kemerdekaan ada-lah hak tiap2 manusia, tetapi kemerdekaan yang tidak dapat menjamin dan mengawal kehidupan ra'ayat, ugama, bahasa dan adat resam serta kebudayaan tidak-lah berfaedah.

Beliau juga berkata bahawa ancaman dan serangan pehak kaum2 komunis sekarang ini semakin dapat di-rasai oleh penduduk2 yang tinggal dalam kawasan Tenggara Asia.

Ucapan penoh menyambut tahun baharu 1962 Sir Dennis White itu ada-lah seperti berikut:

"Kita sekalian di-Brunei serta sekalian orang2 yang chintakan keamanan di-seluruh dunia, ber-

harap dan berdo'a agar tahun 1962 akan memberi keamanan yang sa-jati kepada dunia yang sedang dalam kekacauan walau pun pertikaian keperchayaan di-

(Lihat Muka 4)



Y.T.U. Sir Dennis Charles White

Datin Zubaidah Menyampaikan Hadiah di-Maktab Perguruan

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai dua puluh orang penuntut2 tahun ketiga Maktab Perguruan Melayu Brunei yang lulus dalam tahun 1960 telah menerima sijil2 kelulusan mereka dalam suatu "majlis menyampaikan sijil2 dan hadiah2" di-dewan maktab tersebut pada 16 December lepas.

Datin Zubaidah, isteri Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Menteri Besar Brunei telah menyampaikan sijil2 itu sa-lain dari beberapa hadiah kepada penuntut2 kerana kemajuan2 dalam bidang2 pelajaran.

Majlis itu telah di-hadiri oleh para jemputan khas, antara-nya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Dato Paduka Muhammad, Yang Berhormat Tuan Haji Md. Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Omar dan Yang Berhormat Inche' Shabbuddin bin Md. Saleh, serta beberapa orang Ahli2 Majelis Meshuarat Negeri Brunei, Ketua2 Pejabat dan lain2-nya.

Para jemputan telah duduk di-tempat yang di-sediakan dalam

bidang pendidikan di-negeri ini.

"Sekarang kamu telah menjadi guru yang di-akui bakal mendidik anak bangsa, tanggung jawab kamu yang amat berat akan memberi kesan yang baik atau sabalek-nya kepada masharakat.

"Kapada kamu-lah akan bertanggung jawab mendidik yang asal-nya sa-orang anak kecil itu subur tuboh-nya sa-hingga menjadi sa-orang penduduk yang tahu bertanggung jawab kepada negara dan bangsa serta di-hargai oleh masharakat.

"Sa-kurang2-nya tujuh tahun kanak2 itu berada dalam dikedan kamu dan pada kamu-lah penempah asas kehidupan mereka sa-hingga menjadi manusia yang sempurna," kata Inche' Noordin.

Sa-lain nasehat2 yang telah di-lafadzkan dalam majlis itu, beliau berkata bahawa penuntut2 itu telah juga menerima pengajaran2 di-maktab itu sa-lama tiga tahun dari guru2 mereka.



Datin Zubaidah, isteri Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei kelihatan sedang menyampaikan hadiah kepada sa-orang penuntut Maktab Perguruan Brunei baharu2 ini.

"Kesan2 rajin dan tekun yang telah kamu lakukan akan memberi kamu kemudahan pada menjalankan tanggung jawab kamu, saya perchaya kamu akan mudah menempoh dan dapat melalui segala kesulitan2 jika ada," tegas beliau.

Pemangku Pegawai Pelajaran Negara itu juga telah membayangkan betapa kesusahan guru2 pada beberapa tahun dahulu mengenai kanak2 yang akan persekolah, sa-tengah2-nya ada ibu bapa yang marah dan mengancam guru2. Tetapi, kata beliau,

pada masa sekarang hal itu telah berkurangan.

"Mereka sudah sedar peri mi tahak-nya pelajaran pada sa-orang. Oleh itu harapan ibu bapa yang telah sedar hendakkan anaknya lekas pandai dan segera naik darjah dan mahukan anak-nya bijak.

"Oleh itu harapan ibu bapa kepada guru itu saya nasehatkan kepada kamu bertugas-lah dengan sa-daya upaya supaya tiada menghampakan harapan ibu bapa kanak2 itu," ujar Inche' Noordin.



Inche Noordin bin Abdul Latif, Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Brunei.

dewan itu sa-telah lebeh kurang sa-tengah jam menikmati januan ringan yang terdiri dari pada kuch2 yang di-buat oleh penuntut2 perempuan di-maktab itu, sambil mendengar pencharagam Pulis Brunei yang bermain di-majlis itu.

Uchapan2 nasehat telah di-lafadzkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Setia Marsal bin Ma'un; Pemangku Pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei, Inche' Othman bin Bidin dan Pemangku Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Inche' Noordin bin Abdul Latif.

Wakil2 penuntut2 tahun 1961 dan penuntut2 yang tinggal telah juga beruchap yang menggambarkan pengalaman2 mereka di-maktab itu supaya di-ambil perhatian dari pihak yang bertanggung jawab.

Dalam ucapan-nya, Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Inche' Noordin bin Abdul Latif telah menasihatkan penuntut2 itu supaya bertanggung jawab da-

MAJLIS MENYAMPAIKAN SIJIL2 DARJAH DEWASA

KATI MAHAR. — "Pelajaran itu tidak-lah terhad kepada orang2 tua atau muda — ia tergantung kepada kemahuan diri sendiri dan akan tamat hingga kita mati nanti", demikian kata Chegu Mohamed Som bin Hashim dari Jabatan Pelajaran, Brunei.

Beliau telah memberikan kata2 sa-demikian di-majlis menyampaikan sijil2 kepada penuntut2 yang telah tamat belajar di-darjah dewasa Sekolah Melayu Awang Haji Mohamed Yusof, Kati Mahar, Daerah Tutong pada 16 December yang lalu.

Chegu Mohamed Som telah menyampaikan sijil2 tersebut bagi pehak Chegu Umar bin Muhammad, Pengelola Darjah Dewasa, Negeri Brunei yang tidak dapat hadir di-majlis itu oleh kerana keuzoran.

Dalam ucapan-nya itu, Chegu Mohamed Som berkata bahawa penuntut2 yang tidak lulus dalam peperiksaan peringkat permulaan darjah dewasa itu jangan-lah putus harapan dan hendak-lah mereka belajar dengan bersungguh2.

Tujuan Kerajaan, kata-nya, ia-lah hendak memberi pelajaran kepada penduduk2 di-seluruh negeri ini supaya semua-nya itu tahu membaca dan menulis.

Oleh itu, beliau telah menyeru kepada penduduk2 Kampung Kati Mahar khas-nya dan penduduk2 di-lain2 tempat 'am-nya bahawa jangan-lah mereka jemu belajar kerana pelajaran itu-lah

akan dapat membawa mereka ka-jalan kemajuan di-berbagai2 lapangan.

Inche Adi bin Kahar telah memimpin majlis itu. Sa-lain dari Chegu Mohamed Som, lain2 orang yang telah memberi ucapan di-majlis itu ia-lah Chegu Abu Bakar bin Salleh, Guru Besar, Sekolah Melayu Awang Haji Mohamed Yusof, Kati Ma-

har; Chegu Ja'afar bin Abbas (Guru Ugama) dan Inche Abdul Ghafar bin Haji Mirhusain.

Kemudian Chegu Mohd. Som telah menyampaikan Sijil2 Darjah Dewasa kepada 10 orang penuntut2 darjah tersebut seperti di-bawah ini:

Inche Zaidin bin Nayan, Inche Abdul Karim bin Abdul Rahman, Inche Abdul Ghafar bin Haji Mirhusain, Inche Abdul Majid bin Talif, Inche Saban bin Haji Muhammad, Inche Shamsuddin bin Jamil, Inche Abu Bakar bin Zabeih, Inche Ta'em bin Besar, Inche Darus bin Tanggang dan Inche Taha bin Apang.

Majlis itu di-tamatkan dengan bacaan do'a selamat oleh Chegu Ja'afar bin Abbas.



Gambar ramai para hadirin di-majlis menyampaikan Sijil2 Darjah Dewasa yang telah di-langsungkan di-Sekolah Melayu Kati Mahar pada bulan yang lalu.

Pengakap2 Brunei ka-Hong Kong

BANDAR BRUNEI. — Sa-puluh orang wakil2 pengakap dari Negeri Brunei mengandongi sa-orang Pesuruh Jaya Pengakap Daerah, dua orang Guru2 Pengakap dan tujuh orang pengakap2 dari Daerah2 Brunei dan Belait telah berangkat ka-Hongkong dengan kapal terbang pada hari Ithnin 25 December yang lalu melalui Jesselton.

Tujuan lawatan mereka ka-Hongkong ia-lah untuk mewakili Negeri Brunei di-Perkhemahan Pengakap Jubilee Emas yang telah di-adakan di-Hongkong mulai dari 27 December hingga 2 January.

Tiga jam sa-belum mereka menaiki kapal terbang menuju ka-Hongkong, wakil2 pengakap tersebut telah di-raikan di-satu majlis jamuan oleh Yang Terutama Tuan D.C. White, Pesuruh Jaya Tinggi Ingeris di-Brunei yang juga menjadi Ketua Pengakap Sa-Negeri Brunei di-ruhnya.

Sa-lepas itu Tuan D.C. White telah menyampaikan Bendera Negeri Brunei kepada Inche Foo Kia Inn, Pesuruh Jaya Pengakap, Daerah Belait yang menjadi Ketua rombongan pengakap2 itu untuk di-bawa ka-Hongkong.

Dalam istiadat itu Tuan White telah memeriksa barisan kehormatan dan mengucapkan selamat berangkat ka-Hongkong kepada para pengakap tersebut.

Tuan White juga berharap supaya mereka akan mempunyai "nasib baik" dan akan menjadi "pengakap2 yng berguna kepada masyarakat sa-tiap masa."

Turut hadir di-majlis tersebut ia-lah Inche Howe Soo Beng, Pesuruh Jaya Pengakap, Negeri Brunei dan beberapa orang pegawai2 kanan pengakap di-negeri ini.

Wakil2 dari Negeri Brunei yang

menghadhiri Perkhemahan Pengakap di-Hong Kong itu ia-lah seperti di-bawah ini:

Pesuruh Jaya Pengakap Daerah Belait, Inche Foo Kia Inn; Guru2 Pengakap di-Daerah Brunei, Inche Alias bin Ahmad dan Inche Mohamed Taib bin Haji Mohamed Sa'id dan 7 orang pengakap2 ia-itu Inche Sharani bin Othman, Inche Han Foo Kuang, Inche Ismail bin Ahmad, Inche Serudin bin Tarip dan Inche Reynold Keasbury (semua-nya dari Bandar Brunei) serta Inche Wong Thien Song dan Inche Ahmad Sahari (kedua2-nya dari Daerah Belait).

Mereka di-jadualkan balek ka-Brunei dari Hongkong dengan kapal terbang melalui Jesselton pada hari Ithnin 8 January akan datang.

Surohan Jaya Perkhidmatan Awam

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah Surohan Jaya Perkhidmatan Awam telah di-bentok di-negeri ini menurut sa-bagaimana syarat2 yang terkandung dalam Perlembagaan Negeri Brunei.

Surohan Jaya itu ada-lah menggantikan Jawatan Kuasa Perkhidmatan Awam yang telah di-mansuhkan pada 16 December, 1961.

Berhubung dengan penubuhan Surohan Jaya tersebut, Duli

PENUBOHAN YAYASAN BELIA

BANDAR BRUNEI. — Tuan Syed Zainal Abidin, Naib Yang Dipertua, Persekutuan Klub2 Belia, Persekutuan Tanah Melayu telah melawat ka-Negeri Brunei sa-lama beberapa hari pada bulan December yang lalu dalam bidang lawatan beliau ka-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Borneo Utara.

Sa-masa di-Negeri Brunei Tuan Syed Zainal Abidin telah di-raikan di-satu majlis jamuan teh di-Brunei Hotel pada 20 December yang lalu oleh Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Yang Dipertua Lembaga Pemuda Pemudi Negeri Brunei.

Ahli2 jawatan kuasa Lembaga Pemuda Pemudi Negeri Brunei serta beberapa orang yang cheng-erong dalam gerakan belia telah hadir di-majlis itu.

Tuan Syed Zainal Abidin menerangkan dalam majlis itu bahawa lawatan beliau ka-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Borneo Utara tidak-lah bersangkut paut dengan masa'alah Melayu Raya.

Beliau menegaskan perkara itu, kerana la-wa-ta-n-nya ka-Kuching pada bulan yang lalu ia-lah pada masa di-adakan perundingan jawatan kuasa Setia Kawan Persekutuan Melayu Raya.

Lawatan-nya sa-bagai mana tersebut ia-lah untuk memenuhi satu keputusan Seminar Belia di-Persekutuan Tanah Melayu pada bulan August yang lalu dalam mana beliau sendiri menjadi Pengurus seminar itu.

Tuan Syed Zainal Abidin berkata lagi bahawa beliau berchadng hendak menubuhkan sa-buah Yayasan Belia pada bulan April hadapan mengandongi wakil2 dari persatuan2 belia di-Negeri2 Brunei, Sarawak, Borneo Utara, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu.

Pengiran Puteh telah meng-ucapkan "selamat melawat ka-Negeri Brunei" kepada Tuan Syed Zainal Abidin dan berharap agar-nya Yayasan Belia yang di-chadangkan itu akan dapat di-tubuhkan kelak.

JURUTERA NEGARA



BANDAR BRUNEI. — Sa-orang Jurutera Melayu yang sudah berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sa-lama 21 tahun telah tiba di-Brunei pada bulan December yang lalu untuk berkhidmat sa-bagai Jurutera Negara, Brunei.

Beliau ia-lah Inche Ahmad bin Haji Abdul Aziz S.M.J., J.M.N., S.M.K., B. Sc. (England), C.E. (Kehormatan), A.M.I.E.

Inche Ahmad telah tiba di-Labuan dengan kapal "Kimanis" dari Singapura pada 19 December, 1961 bersama2 dengan keluarga beliau dan di-sambut oleh Inche Talib bin Derwish, bekas Pemangku Jurutera Negara, Brunei. Dari sana mereka telah datang ka-Brunei dengan kapal laut.

Dalam satu wawancara dengan Inche Ahmad di-pejabat-nya, Inche Ahmad berkata bahawa beliau telah bersara dari perkhidmatan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada bulan September 1961 sa-telah berkhidmat sa-lama 21 tahun dengan Jabatan Kerja Raya di-beberapa buah negeri di-Persekutuan Tanah Melayu.

Beliau berumur 55 tahun dan berasal dari Muar, Johore. Sa-hingga masa bersara dari jawatan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu Inche Ahmad telah berkhidmat sa-bagai Jurutera Negara, Kelantan sa-lama dua tahun sa-tengah.

Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah melantek Yang Mulia Dato Setia Pengiran Haji Abu Bakar bin Al-merhom Duli Pengiran Pemancha Mohamed Salleh Yang Kedua sa-bagai Pengurus.

Anggota2 Surohan Jaya Perkhidmatan Awam itu ia-lah sa-perti di-bawah ini:

Yang Mulia Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Awang Abdul Rahman, Yang Mulia Pehin Jawatan Dalam Dato Setia Haji Mohamed Noor, Inche George Newn Ah Foott dan Yang Mulia Inche Mohamed Taib.

Pegawai Perjawatan Brunei, Inche Shariff bin Hassan, telah di-lantek sa-bagai Setia Usaha kepada Surohan Jaya Perkhidmatan Awam tersebut, menurut syarat2 yang terkandung dalam Perlembagaan Negeri Brunei.

Surohan Jaya Perkhidmatan Awam itu telah mulai bertugas pada 1 January, 1962 dan Pejabat-nya ia-lah di-Pejabatan Peguam Negara sekarang ini.

Tiap2 orang ahli surohan jaya tersebut akan berkhidmat sa-lama tiga tahun.



Yang Terutama Tuan D.C. White kelihatan dalam gambar atas sedang menyampaikan bendera Negeri Brunei kepada Guru Pengakap Foo Kia Inn pada 25 December yang lalu. Gambar bawah menunjukkan Wakil2 Pengakap Negeri Brunei yang telah menghadiri perkhemahan pengakap2 di-Hong Kong sebelum mereka berpisah dari Brunei pada bulan yang lalu. Di-kiri sa-kali Inche Howe Soo Beng, Pesuruh Jaya Pengakap, Negeri Brunei dan di-kanan sa-kali ia-lah Inche R.D. Ross, Setia Usaha, Persatuan Pengakap, Negeri Brunei — Gambar2 Guan Chuan Studio Brunei.



TITAH D.Y.M.M. MAULANA SULTAN

(Dari Muka 1)

dayah kepada ra'ayat beta sekalian yang telah dapat hidup dalam keadaan aman dan sentosa. Beta berdo'a kepada Allah semoga keadaan yang sa-demikian akan dapat di-anugerahkan Allah kepada ra'ayat beta sekalian didalam menempoh hidup di-tahun 1962 nanti.

"Banyak kejayaan2 yang telah kita perbuat dalam tahun 1961 ini. Kejayaan2 yang telah kita peroleh dan berjaya dan telah dapat kita sekalian menikmatinya ini, ada-lah menunjukkan satu bukti bahawa kesedaran ra'ayat beta dalam hal kemajuan dan kema'moran serta keamanan negeri ini, maka akhir-nya dengan izin Allah telah dapat kita perbuat.

"Mudah2an dengan keadaan ra'ayat beta sekalian yang sentiasa menyedari akan nasib dan untung mereka dan kebaikan Negeri Brunei Darus-salam ini, keadaan yang sa-demikian akan sa-terus-nya di-amalkan dan beta perchaya yang ra'ayat sekalian akan lebeh berazam lagi menuju chita2 yang mulia.

"Untuk ini beta dengan segala senang hati mengucapkan tahniah kepada Kerajaan beta yang telah dapat menjalankan tugasnya dalam mengendalikan pen-

tadbiran untuk kebajikan ra'ayat beta seluruh-nya, dan dengan ini juga beta mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada seluruh ra'ayat beta di-atas kerjasama yang mana beta perchaya akan di-beri oleh mereka dalam menuju chita2 yang telah kita sedari.

"Tugas ra'ayat di-masa hadapan itu ada-lah maseh banyak dan maseh berat serta beta perchaya sa-tengah daripada sa-tengah-nya ada yang senang dan tidak kekurangan pula tugas ra'ayat beta itu akan juga menempoh berbagai2 kesulitan.

"Tetapi bagaimana pun beta menaruh kepercayaan dengan muncul-nya tahun 1962 ini nanti, awal tahun yang akan mendatangkan kebajikan kepada Brunei dalam menempoh sejarah baru dan menempoh kemajuan baru.

"Dengan mengetahui bahawa di-hadapan ra'ayat beta sekalian maseh banyak lagi tanggungan2 dan kewajipan2 ra'ayat beta yang akan di-hadapi, maka dengan ada-nya tahun baharu ini beta perchaya ra'ayat beta sekalian akan membaharui azam tuan2 dalam menuju kema'moran dan kebajikan Negeri Brunei ini.

"Bila beta sebutkan membaharui azam ini, bukan-lah erti-nya ra'ayat beta akan membuat

azam baru, tetapi apa yang beta maksudkan dan membaharui ini ada-lah akan mengandongi ma'ana, ia-itu kita akan terus menggunakan apa yang telah kita perbuat dan yang ada ini kita terus perbaiki, kita terus amalkan dan terus kita perbuat, semoga dengan azam ini kemahuan yang telah sedia kita dapati ini akan terus dapat kita pupuk semoga dengan izin Allah kemajuan negeri ini akan kekal dan sa-terus-nya dapat di-pergunakan bagi kebajikan tuan2 sekalian.

"Sa-belum beta akhiri ucapan beta ini sekali lagi beta ingin mengulang, sa-tiap kali dalam

uchapan beta, beta sentiasa mengingatkan bahawa Negeri Brunei Darus-salam ini ada-lah sa-buah negara yang sentiasa di-dalam keamanan yang mana ini ada-lah di-sebabkan oleh keseluruhan ra'ayat beta yang memang beta akui ra'ayat yang chintakan keaman.

"Dengan ada-nya amalan chintakan kema'moran dan keamanan, kemajuan bagi seluruh bangsa dan negeri ini, beta sekali lagi menaruh kepercayaan dan beta berdo'a kepada Allah semoga chita2 suchi mulia ini akan sentiasa di-dalam tiap2 chita2 dan amalan iman ra'ayat beta".

UCHAPAN BESAR MENTERI BRUNEI

(Dari Muka 1)

dan dengan ini juga saya mengambil peluang mengucapkan kepada sekalian penduduk2 di-Negeri Brunei yang memeluk agama Keristian mengucapkan do'a supaya mereka akan sentiasa dalam kebaikan dan mendapat beberapa kerianan dalam merayakan awal tahun baharu ini.

"Sa-bagaimana yang pernah terjadi pada tiap2 tahun, dalam menyambut tahun baharu ini kita sekalian-nya mengharapkan satu pengharapan dan berdo'a kepada Allah semoga dengan ada-nya menjelang tahun baharu ini kita sekalian akan dapat membaharui azam dan meneruskan pekerjaan2 dan perjuangan2 kita memohonkan ilham Allah semoga tahun 1962 ini akan mendatangkan kebaikan dan keuntungan serta keselamatan kepada kita sekalian di-sini, maka saya juga tidak-lah terasing daripada tuan2 sekalian dan dengan ini saya juga berdo'a kepada Allah semoga chita2 dan harapan kita yang baik dan suchi morni itu akan di-kabulkan Allah bagi kebahagiaan dan kesentosaan serta keselamatan kita sekalian.

"Kapada penduduk2 di-negeri ini saya sa-bagai ketua pentadbir di-Negeri Brunei dengan ini mengucapkan berbilang terima kasih atas kesudian seluruh ra'ayat dari sa-genap bangsa di-negeri ini yang telah memberi kerjasama mereka dalam menjayakan beberapa rancangan2 dan usaha2 Kerajaan untuk menjayakan dan mendatangkan kema'moran bagi seluruh kehidupan ra'ayat di-negeri ini.

"Saya berharap kerjasama yang telah tuan2 sekalian berikan pada tahun yang lalu itu akan dapat tuan2 meneruskan-nya dengan perasaan yang tulus ikhlas semoga dengan kerjasama yang ikhlas dari tuan2 sekalian, akan dapat-lah kita menchapai maksud yang kita sekalian sama tujui itu.

"Kapada seluruh pegawai2 dan kaki tangan Kerajaan sama ada yang bekerja di-dalam pejabat2 mahu pun yang sedang bertung-

kus lumus menchuchorkan titek peloh mereka, maka saya dengan ini mengucapkan selamat tahun baharu pada seluruh pegawai Kerajaan dan dengan ini juga saya mengucapkan terima kasih saya kepada tuan2 sekalian yang telah memberi sa-penoh2 tenaga dan sa-penoh2 kemahuan dari tuan2 kerana dengan ada-nya kerjasama dan tenaga yang tuan2 telah berikan itu dan sa-bagaimana yang telah dapat kita perhati dan lihat Kerajaan kita dari sa-masa ka-samasa dapat kita jalankan dengan semporna dan baik.

"Mudah2an dengan ada-nya keadaan suasana yang menimbulkan harapan kesentosaan ini, semoga dapat-lah kita dalam menjelang tahun 1962 ini menchapai beberapa banyak kemajuan yang akan mendatangkan kebahagiaan bagi seluruh ra'ayat.

"Bagaimana pun kerjasama, sama ada yang berupa fikiran dan berupa tenaga ada-lah sa-di-perlukan dari tuan2 dan ketu sama itu ada-lah merupakan satu daripada pekerjaan yang sangat penting dalam menjayakan dan mendapatkan kesenangan yang baik untuk kebahagiaan dan perjalanan lapangan Kerajaan kita di-Brunei ini.

"Walau bagaimana kecil dan senang pekerjaan tuan2 tetapi chita2 yang ikhlas jujur dan kerjasama tuan2 itu ada-lah merupakan satu daripada perkakas jentera dalam sa-buah jam kecil yang tidak boleh tidak jikalau salah satu daripada perkakas yang kecil itu tidak berjalan dengan baik maka neschaya-lah perjalanan seluruh jam itu akan tidak dapat menunaikan kewajipan-nya.

"Dengan harapan ini maka saya sa-kali lagi berseru kepada seluruh pegawai2 Kerajaan khas-nya dan orang ramai am-nya supaya dapat memberi kerjasama dan dapat memberi fikiran2 yang membena untuk kepentingan dan kebahagiaan bagi seluruh penduduk dan kepentingan Negeri Brunei ini."

UCHAPAN PESUROH JAYA PESUROH TINGGI

(Dari Muka 1)

antara dunia bebas dan dunia komounis maseh lagi tegang keadaan-nya.

"Sa-benar-nya, anchaman serangan komunis telah makin dirasai oleh kita sekalian di-Tenggara Asia.

"Kaun2 Komunis memperchaya bahawa manusia berkehendakkan benda2 kehidupan. Beri mereka makan, lengkapkan mereka dergan pakaian, adakan hiburan untuk mereka, berikan mereka pelajaran, kawal fikiran dan perbuatan mereka, dan jadikan mereka abdi negara dan abdi kepercayaan Komunis.

"Kita orang2 dari dunia bebas memperchayai ada sa-suatu maksud yang lebeh dalam mengenai kehidupan sa-saorang itu; bahawa manusia itu ia-lah hamba Tuhan dan patut-lah bebas mengerjakan untung nasib mereka sendiri di-bawah panduan Tuhan. Ia-nya hendak-lah bebas berfikir, bertindak, menulis dan berchakap mengikut apa yang di-fikirkannya patut pada sisi undang2.

"Dalam suatu ucapan di-Amerika Sharikat, dalam bulan April tahun 1961, Perdana Menteri British, Tuan MacMillan telah berkata:

"Keadaan perjuangan fikiran dan perasaan manusia tidak dapat membolehkan sa-sabua negeri, walau bagaimana pun besar-

nya, untuk berdiri kesaorangan sahaja".

"Perkataan2 ini mempunyai satu kesimpulan yang dalam bagi tuan2 dan puan2 sekalian, penduduk Brunei kerana tidak berapa lama lagi tuan2 dan puan2 akan menghadapi masa'alah mempertimbangkan persatuan Melayu Raya, satu masa'alah yang sangat2 penting bagi anak chuchu kita dan juga bagi diri kita.

"Kemerdekaan ada-lah hak sa-saorang, tetapi kemerdekaan yang tidak dapat mengawal kehidupan ra'ayat, ugama mereka, bahasa mereka, adat resam dan kebudayaan mereka ada-lah satu benda yang tidak ada fa'edah-nya.

"Pada masa sekarang bangsa2 bebas di-dunia ini kesemua-nya bergantung antara satu dengan lain, pada sisi ekonomi dan politik, dan sudah tentu negeri yang kecil lebeh2 berkehendakkan sahabat2 yang sa-jati untuk mengadakan perlindungan serta perkembangan ekonomi-nya.

"Tahun 1962 akan merupakan satu tahun yang mustahak dalam sejarah Brunei yang gemar-lapan. Moga2 tahun 1962 ini akan mendatangkan keamanan, keselamatan, kemewahan dan kemajuan kepada Duli Yang Maha Mulia dan keluarga diraja dan kepada sekalian ra'ayat dan penduduk Brunei."

PENGIRAN JAYA TAMAT BERLATEH DI-MAKTAB PULIS SCOTLAND

BERAKAS. — Superintendent Pulis Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid telah balek ka-Brunei dari Scotland dengan kapal terbang pada 25 December, 1961 sa-telah tamat menghadiri kursus Pegawai2 Kanan Pulis dari beberapa buah negara di-Scotland selama hampir tiga bulan.

Kursus itu telah di-adakan di-Maktab Pulis Scotland di-Kin-cardine-on-Forth berdekatan Edinburgh, ibu kota Scotland.

Ini-lah kali yang kedua Pengiran Jaya menghadiri kursus latehan Pegawai2 Pulis di-United Kingdom.

Pengiran Jaya telah menghadiri kursus latehan Pegawai2 Rendah Pulis di-London sa-lama enam bulan dalam tahun 1955.

Pegawai2 Kanan Pulis yang menghadiri kursus di-Scotland itu ia-lah dari Brunei, Nigeria, Hongkong, Ireland, England dan dari Scotland.

Pengiran Jaya ia-lah hanya sa-orang Melayu sahaja dan yang

termuda sekali menghadiri kursus itu.

Pengiran Jaya menyatakan bahawa beliau telah bertemu dengan beberapa orang penuntut Brunei di-United Kingdom.

Pengiran Jaya juga telah berpeluang bertemu dengan Inche A.N. Outram, Pesuruh Jaya Pulis Negeri Brunei yang pada masa ini sedang berchuti di-United Kingdom, dan juga keluarga beliau.

Selanjut-nya beliau berkata bahawa pada masa beliau



Superintendent Pulis Pengiran Jaya (kanan) kelihatan sedang menghadihkan sa-buah Perisai Pulis Brunei kepada Inche S.A. Kinnoor, Komandan, Maktab Pulis Scotland sa-bagai mana di-beritakan di-muka ini.

menghadhiri kursus Pegawai2 Kanan Pulis di-Scotland, ia telah menghadihkan kepada Maktab Pulis Scotland beberapa buah buku mengenai Brunei yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Brunei.

"Sa-belum itu orang2 di-Scotland belum-lah mengetahui di-mana-kah letak-nya Negeri Brunei. Ada yang menyangka bahawa Brunei ada-lah di-Negeri Jerman dan di-lain2 tempat", kata Pengiran Jaya.

Dengan ada-nya buku2 itu baharu-lah mereka mengetahui berbagai2 perkara mengenai Negeri Brunei, tegas-nya lagi.

Dalam satu majlis yang di-adakan di-dewan Maktab Pulis Scotland pada malam 12 October, 1961 Pengiran Jaya telah menghadihkan sa-buah Perisai Pulis Brunei kepada maktab itu.

JURU UKOR NEGARA



Inche Abdul Wahab bin Haji Daud, Juru Ukor Negara, Brunei yang baharu.



Inche Mohamed Taib bin Awang Besar, sa-orang Pegawai Pertadbiran Negeri Brunei (tengah) telah berangkat ke-Singapura pada bulan yang lalu bersama2 dengan Awangku Momin (kiri) dan Awangku Bakar (kanan) dua orang anggota2 Asker Melayu Brunei dari pasukan yang pertama untuk menyertai bakal2 Asker Melayu Brunei yang telah belayar ke-Singapura terlebih dahulu. Dari sana mereka telah berangkat ke-Pusat Latehan Asker Melayu Diraja Persekutuan Tanah Melayu di-Port Dickson.

KELEPASAN2 AWAM 1962

BANDAR BRUNEI. — Hari kelepasan awam dalam Negeri Brunei pada tahun 1962 ada-lah saperti di-bawah ini :

Awal Tahun 1962	Ithnin 1 January
Me'raj (1381)	Khamis 4 January
Tahun Baharu China	Ithnin 5 February
*Awal Ramadhan	Ithnin 5 February
*Hari Raya Puasa dan hari yang berikut	Rabu 7 March dan Khamis 8 March
*Hari Raya Haji dan hari yang berikut	Ithnin 14 May dan Thalatha 15 May
Hari Jadi D.Y.M.M. Baginda Queen	Sabtu 2 June
Awal Muharram 1382 (di-gantikan untuk Ahad 3 June)	Ithnin 4 June
Maulud (di-gantikan untuk Ahad 12 August)	Ithnin 13 August
Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan (di-gantikan untuk Ahad 23 Sept.)	Ithnin 24 September
Hari Perlembagaan	Sabtu 29 September
Me'raj (1382) (di-gantikan untuk Ahad 23 December)	Ithnin 24 December
Hari Krismas dan hari berikut	Thalatha 25 December
	Rabu 26 December

*Tertalok kepada perubahan

P. B. B. DI-DAFTARKAN

KAMPONG SUMBILING. — Pehak yang berkuasa telah mengahkan penubuhan pertubuhan politik yang ketiga di-Negeri Brunei pada 16 December 1961. Demikian menurut Yang Dipertua pertubuhan itu.

Pertubuhan tersebut bernama, "Pergerakan Bersatu Brunei", ada-lah di-ketuai oleh Tuan Haji Hasbullah bin Haji Mohamed Daud dan mempunyai ibu pejabat-nya di-Kampung Sumbiling, Bandar Brunei.

Pegawai2 P.B.B. itu yang lain2-nya ada-lah saperti di-bawah ini.

Naib Yang Dipertua — Pengiran Majid bin Pengiran Mohamed Daud, Setia Usaha — Awangku Badarudin bin Pengi-

ran Rabaha, Penolong Setia Usaha — Inche Anis bin Tinggal, Penyimpan Wang Awang Ghani bin Haji Taim, Penolong Penyimpan Wang — Tuan Haji Ismit bin Haji Naim dan 12 orang Ahli2 Jawatan Kuasa.

Chogan pertubuhan itu ia-lah Bersatu — Bersetia dan Berdaulat, manakala seruan-nya ia-lah Merdeka.

Asas2 dan tujuan2-nya ia-lah menjalankan segala ikhtiar dan langkah bagi mendirikan sa-buah Negara Brunei yang merdeka dan berdaulat. Memajukan kepentingan ra'ayat Melayu khas-nya dan ra'ayat Brunei 'am-nya di-dalam semua lapangan. Mengutamakan dan mempertahankan agama Islam dan 'adat resam Melayu serta menjalankan segala ikhtiar bagi mengembangkan agama yang maha suci itu. Memelihara taraf dan ke-daulatan raja yang berperlembagaan di-Negeri Brunei.



Tuan Haji Hasbullah

CHARA2 MENGOREK SA-BAWAH TELAGA MINYAK

Sa-buah telaga perchiwaan boleh menelan perbelanjaan sampai sa-banyak lina juta ringgit. Memandang besar-nya perbelanjaan yang akan dipakai maka mustahak-lah di-fikirkan sa-masak2-nya akan hasil2 penyukatan sa-belum kerja mengorek telaga dapat di-mulai.

Sungguh pun segala sa-suatu nya sudah di-perbinchangkan dengan chukup sempurna, kerja pengorekan itu maseh merupakan satu adu-nasib yang belum di-ketahui akan untung atau rugi-nya. Penyukatan yang sempurna memang boleh mengurangkan sa-dikit dengan kerugian namun kegagalan bisa-nya mengalahkan kejayaan.

Di-Canada, mithal-nya sa-sudah lebeh dari 800 buah telaga telah di-korek baharu-lah mendapat satu telaga yang betul2 mengandongi minyak.

Tetapi keperluan dunia terhadap minyak ada-lah sa-makin bertambah sa-tiap hari dan bekalan2 minyak untuk masa akan datang hanya boleh di-jamin dengan penyelidekan yang terus menerus, dalam mana pengorekan minyak me-mainkan peranan-nya yang penting.

ASAL USUL KERJA MENGOREK

Di-sabelah sini lazim-nya kita menyebut korek atau gali. Di-Indonesia kerja mengorek saperti ini konon-nya telah di-mulai kira2 sa-ribu tujuh ratus tahun dahulu.

Dalam surat2 tua orang China zaman dahulu di-cheritakan bagaimana telaga2 telah di-korek dalam masa pemerentahan Shu Han (tahun 221-263 Masehi) untuk menchari sember garam dan ayer masin.

Orang2 China dahulu kala mengorek telaga garam itu dengan menggunakan mata-pengorek yang berat yang di-gantungkan kepada sa-utas tali yang besar dan mata-pengorek tadi di-tekan ka-bawah oleh orang2 yang berlari sa-chara berganti2 memijak papan henjutan yang ada di-atas-nya. Gaya berat mata-pengorek yang naik turun itu makin lama makin dalam me-mechah bahagian bumi.

Berkurun2 kemudian suatu bentuk yang lebeh maju dari menggunakan "cable tool" telah di-gunakan buat pertama kali-nya oleh Colonel Edwin Drake di-Titusville, Pennsylvania, Amerika Sharikat, yang di-lakukan-nya dalam tahun 1859 apabila ia ber-usaha hendak menchari minyak.

Colonel Drake berjaya dan ini-lah permulaan bagi perusahaan minyak sa-chara moden.

Tiada sa-orang pun yang dapat memastikan di-mana minyak berkumpul di-bawah tanah. Pakar2 minyak hanya lah yang memastikan sama-ada minyak ada atau tidak ia-lah dengan chara mengorek-nya.

CHARA BERPUTAR

Chara "cable tool" itu telah di-gunakan dari masa tersebut sa-hingga 40 atau 50 tahun kemudian.

Chara itu chukup mudah di-lakukan dan hampir2 sama dengan chara pengorek yang di-lakukan oleh orang2 China dahulu, kechuali mata-pengorek itu di-naik turunkan dengan kuasa jentera.

Dua orang sahaja sudah boleh menjalankan batang pengorek dan modal-nya pun kechil. Tetapi kemajuannya amat lambat dan lebeh2 lagi jika mata-pengorek itu menebok kolam minyak dan gas di-bawah lapisan tanah maka menyembor-lah minyak dan gas dengan tiada ada jalan yang dapat mengawal-nya. Ini adalah membuang minyak dengan sia2 dan bahiaya pun chukup besar.

Pada permulaan kurun yang ke-dua puluh ini satu chara pengorekan minyak yang baharu, ia-itu dengan chara "rotary" atau berputar telah mula di-pakai orang.

Chara baharu itu lebeh chepat, lebeh halus dan lebeh selamat daripada chara "cable tool" yang pada tahun 1925 telah tidak lagi di-pakai orang.

Chara "rotary" itu ia-lah dengan kuasa jentera yang dipasang di-kepala telaga. Ia dapat memusingkan batang paip yang panjang melekat pada mata-pengorek. Chara ini-lah yang di-gunakan sekarang bagi mengorek jumlah

yang terbesar dari telaga2 minyak dalam dunia.

MENARA PENGGALI

Di-samping itu sedang di-ranchangkan pula sekarang untuk memakai chara baharu bernama "turbo-drilling" dimana kuasa memutar mata-pengorek di-pasang melalui sa-buah "turbine" di-bawah paip pengorek.

Apabila suatu kawasan telah di-pilih untuk sa-sabua telaga chubaan dalam sa-buah kawasan penyelidekan banyak-lah kerja2 permulaan yang mesti di-lakukan sa-belum alat2 kelengkapan yang berat2 akan di-angkut ka-sana.

Kerapkali kejadian bahawa usaha menchari minyak di-lakukan di-tempat2 yang sukar dan untuk sampai ka-sana jalan2 kechil dan landasan2 kereta-api terpaksa-lah di-bena.

Banyak-nya kerja pada satu2 tempat ada-lah berbeza2. Ada tempat yang memerlukan kerja yang banyak dan ada pula yang memerlukan kerja yang sa-dikit.

Apabila kerja2 permulaan ini telah selesai maka "bulldozer" boleh di-bawa untuk meratakan tanah kawasan itu dan juga kalau perlu mendirikan khemah2 untuk para pekerja.

Bahagian tengah yang terpenting ia-lah menara, sa-buah bangunan besi tinggi yang merunching ka-atas. Tingginya lebeh kurang 140 kaki dan

lebar bahagian bawah-nya kira2 30 kaki.

Menara itu di-dirikan atas susunan besi tegap kira2 14 kaki dari paras tanah. Kawasan kosong di-sabelah bawah dapat di-gunakan sa-bagai tempat memasang "valve" yang besar, yang di-kenali dengan nama alat penchegah letupan.

Alat itu boleh menutup lobang telaga minyak jika terjadi sa-barang kejadian darurat yang di-sebabkan oleh tekanan gas yang tinggi atau pun panchutan minyak yang deras memechah ka-atas dari bahagian bawah tanah.

UMPAMA PAHAT PENEBOK LOBANG

Perkakas pengorek itu sama-lah saperti pahat tukang kayu atau alat penebok lobang yang di-gunakan oleh-nya.

Apabila pengorekan di-mulai mata-pengorek itu di-sekru kepada batang paip yang di-panggil batang penyambung yang panjang-nya 40 kaki, empat persegi bentuk-nya tergantung kepada tali dari ibu kerekan yang di-atas kapala menara.

Batang penyambung itu terjunam ka-bawah melalui lobang empat persegi dalam satu kotak yang bulat yang di-panggil meja pemutar di-atas lantai menara itu.

Injin (biasa-nya memakai kuasa disel, kadang2 pakai kuasa wap, gas atau letrek) memutar meja itu dan juga batang penyambung yang kemudian menggerakkan mata-pengorek menembus lapisan tanah.


Bilangan dan bentuk injin yang di-gunakan ada-lah berbeza2; ia boleh membekalkan kekuatan sampai 3,000 kuasa-kuda.

Apabila mata-pengorek itu sudah menebok kira2 30 kaki ka-bawah maka ia di-naikkan sa-mula dengan injin pengangkat yang di-gerakkan oleh injin yang sama.

Sa-batang paip pengorek yang 30 kaki panjang-nya di-sekru antara mata-pengorek dan batang penyambung lalu di-turunkan ka-dalam lobang telaga, sedangkan batang penyambung itu maseh tetap berada di-teloh lobang meja pemutar tadi.

Sa-kali lagi meja itu berputar dan mata-pengorek menembus lebeh dalam lagi ka-bawah.

Sa-lepas 30 kaki paip di-tambah lagi, di-sambung dan begitu-lah sa-terus-nya. Batang penyambung paip pengorek dan mata-nya menjadikan seluruh kerja itu sa-bagai rantai pengorekan. — Berita Sharikat Minyak Brunei Shell



Satu pemandangan chara mengorek minyak di-Telaga 509 di-Padang Minyak. — Gambar ehsan Sharikat Minyak Brunei Shell.

PERTANDINGAN BINTANG RADIO BRUNEI TAHUN 1962

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan untuk merebutkan gelaran johan Bintang Radio Brunei Tahun 1962, bahagian lelaki dan wanita akan di-adakan tidak berapa lama lagi. Ini-lah tahun yang ke-tiga Radio Brunei Bahagian Melayu mengadakan pertandingan itu.

Pada tahun 1960 Biduan Ali Paun dari Seria telah menjadi johan Bintang Radio Brunei, bahagian lelaki dan Biduanita Norjanah binti Mohamed Noor telah menjadi johan Bintang Radio Brunei, bahagian wanita.

Pada tahun 1961 penyanyi2 dari Bandar Brunei pula telah menyandang gelaran2 tersebut. Gelaran johan Bintang Radio Brunei, bahagian lelaki telah dimenangi oleh Inche "Kamran Shah" (nama penjelma sa-orang biduan tempatan), manakala gelaran Bintang Radio Brunei, bahagian wanita telah dimenangi oleh Puan Sahara Ahmad.

Menurut keterangan penaja pertandingan tersebut, pertandingan2 akhir untuk memilih johan2 penyanyi bagi seluruh Negeri Brunei mungkin akan di-adakan pada malam Hari Raya Puasa yang ke-dua hadapan, disa-buah dewan di-Bandar Brunei.

Sementara itu pendaftaran biduan2 dan biduanita2 yang hendak mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut telah di-mulai pada 28 December yang lalu. Tarikh akhir bagi menerima pendaftaran itu akan kita siarkan dalam keluaran yang akan datang.

Sa-saorang penyanyi itu mestilah tinggal di-Negeri Brunei sa-kurang2 enam bulan sa-belum tarikh pendaftaran. Sa-barang bayaran pun tidak akan di-kenakan kepada penyanyi2 yang hendak bertanding dalam pertandingan tersebut.

Tiap2 penyanyi di-kehendaki menyanyi dua lagu2 Melayu, iaitu satu lagu wajib (irama asli) dan satu lagu pilihan (irama langgam). Lagu2 itu ia-lah seperti di-bawah ini:

Bahagian wanita: Lagu wajib — Embun Menitik. Lagu2 pilihan — Asmara, Pahlawan Ku atau Kerana Janji.

Bahagian lelaki: Lagu Wajib — Makan Sirih. Lagu2 pilihan — Hiborlah Hatiku, Senja Di-Rantau atau Gandrong.



Inche Radin Mas Ismail (kanan) dan Puan Pauline Lim (kiri) juru2 trengkas di-Pejabat Jurutulis Majlis Mesyuarat Negeri Brunei kelihatan di-bangunan lapangan terbang Brunei pada bulan yang lalu sa-belum mereka berlepas ke-Johore dengan kapal terbang untuk mempelajari pekerjaan2 juru2 trengkas Majlis Mesyuarat Negeri Johore sa-lama tiga minggu dan juga menyaksikan persidangan Majlis Mesyuarat Negeri Johore.

PERSATUAN SENI BUDAYA MELAYU BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pendaftaran sa-buah persatuan yang berdasarkan kesenian dan kebudayaan Melayu yang tidak bertentangan dengan Ugama Islam telah di-luluskan baharu2 ini oleh Pehak Pendaftaran Persatuan2 Negeri Brunei.

Persatuan itu ia-lah "Persatuan Seni Budaya Melayu Brunei" yang di-tubuhkan oleh pemuda pemudi Brunei dan mempunyai

◆ Menggalak, mempromot, memperkenalkan dan menghidupkan Kesenian dan Kebudayaan Melayu dalam segala lapangan; dan

◆ Mengiratkan perhubungan antara Badan2 Kebudayaan Melayu yang mempunyai dasar dan tujuan yang sama dengan persatuan ini.

Inche Kamaluddin bin Pe-

bin Pehin Udana Khatib Haji Omar.

Inche Abd. Rahman bin Khatib Abdullah telah di-lantek sebagai Setia Usaha Penerangan persatuan itu.

Empat orang telah di-pilih untuk menjadi ahli2 jawatankuasa persatuan tersebut. Mereka ia-lah Inche Mahalee Haji Abdullah, Inche Mohammad Haji Serudin, Inche Ahmad Arshad dan Inche Awang Salim bin Haji Mokti.

Setia Usaha persatuan itu sedang bergiat untuk menambahkan lagi bilangan ahli2 persatuan-nya.

nyurat Haji Abu Bakar telah dilantek sa-bagai Yang Di-pertua persatuan itu, manakala Inche Zulkiflee Haji Abdullah sa-bagai Naib Yang Di-pertua.

Setia Usaha persatuan tersebut ia-lah Ak. Abbas bin Pengiran Haji Besar dan Penolong Setia Usahanya ia-lah Awang Tahir

BUKU BACHAAN TUNAS BARU

BANDAR BRUNEI. — Bachaan Tunas Baru, sa-buah buku bachaan bagi murid2 darjah permulaan yang di-karang dan disusun oleh Awangku Mohd. Yasin bin Pengiran Damit, guru darjah rendah Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam Bandar Brunei, telah di-terbitkan oleh Badan Persuratan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei pada bulan July tahun lepas.

Buku yang sa-umpama ini belum pernah di-buat oleh pengarang2 tempatan di-Negeri Brunei, merupakan buku pertama dan julong2 kali di-terbitkan untuk mengajar bachaan murid2 darjah permulaan.

Menilik dari isi-nya, memanglah buku ini amat sesuai dan mudah untuk memahamkan pengajaran membacha jawi kepada kanak2. Pelajaran2 yang di-susun di-dalam buku ini senang di-ikuti dari awal hingga ka-akhir-nya oleh murid2 darjah permulaan.

Dalam kata pendahuluan-nya antara lain penyusun buku ini menulis:

"Susunan pelajaran dalam buku ini ada-lah hasil dari pengalaman saya dalam memimpin kanak2 darjah permulaan, yang

di-dapati kanak2 chepat pandai membacha-nya."

Mengukur daripada isi-nya yang sesuai, teknik buku yang menarik dan lukisan2 yang menyegarkan, maka buku ini bolehlah di-anggap mempunyai mutu dan nilai yang tidak kalah jika di-bandingkan dengan buku2 yang sa-umpama-nya, yang di-terbitkan di-luar Negeri.

"Sa-kalong bunga penghormatan" kita berikan kepada pengarang dan penyusun, pelukis dan pehak penerbit buku yang amat berguna ini.

Semoga usaha yang sa-umpama ini akan terus di-usahakan dengan giat-nya untuk mengisi keperluan2 dalam lapangan pelajaran di-negeri ini.



Pasukan Sekolah Melayu S.M.J.A. Bandar Brunei yang telah mengalahkan pasukan Sekolah Melayu S.M.A.T. Kuala Belait dengan 4 gol tidak berbalas dalam perlawanan akhir bola sepak murid2 sekolah sa-negeri ini yang berumur 16 tahun ka-bawah pada bulan yang lalu — Gambar Universal Photo Studio, Brunei.



Dua puluh dua orang pengakap2 dari Maktab S.O.A.S. Bandar Brunei telah pergi ke-Miri dengan menunggang basikal pada 19 December dan balik ka-Bandar Brunei lima hari kemudian. Nombor delapan dari kiri ia-lah Inche Sharbini Taha, Guru Pengakap pasukan itu yang menjadi ketua rombongan.

**Pesuruh Jaya Tinggi
Di-Kurniakan
Gelaran K.B.E.**

BANDAR BRUNEI. — Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei Yang Terutama Tuan Dennis Charles White C.M.G. O.B.E., O.S.S. telah di-kurniakan gelaran "Knight Commander of the Most Excellent Order of the British Empire" (K.B.E.) oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth dalam sinarai kurniaan gelaran2 kehormatan bagi menyambut tahun baharu 1962.

Dengan itu, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei kini di-gelarkan sa-bagai Sir Dennis Charles White K.B.E., C.M.G., O.S.S.

**MAJLIS2 SAMBUTAN
AWAL TAHUN**

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis menyambut tahun baharu 1962 telah di-adakan di-Royal Brunei Yacht Club pada malam Ithnin yang lalu.

Pada tengah malam itu, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed, Komodor, Royal Brunei Yacht Club telah mengumomkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah mengurniakan gelaran kehormatan K.B.E. kepada Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White.

Majlis2 menyambut lahirnya tahun baharu telah juga di-adakan pada malam tersebut di-beberapa tempat yang lain dalam negeri ini dengan mengandongi berbagai acara.

**MALAYA
MENANG**

RANGOON. — Malaya telah mengalahkan Burma dalam perlawanan akhir bola sepak ditemasha sukan Tenggara Asia dengan 2 gol tidak berbalas, pada bulan December yang lalu.

Mahat Amboo dan Abdul Ghani telah menjaringkan satu gol sa-orang bagi pasukan Malaya.

**PANCHARAGAM
PULIS BRUNEI**

BANDAR BRUNEI. — Tarikh dan tempat persembahan Pancharagam Pulis Brunei pada bulan ini ia-lah :

Di-Tempat Pancharagam Pekan Seria pada 8 dan 22 January serta di-Bandar Brunei pada 14 dan 28 January.

Tiap2 persembahan itu di-mulai pada pukul 6 petang.

**Menteri2 Malaya Dan Pembesar2 Singapura
Melawat Brunei**

BANDAR BRUNEI. — Empat orang wakil2 dari Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura yang telah menghadiri Meshuarat Jawatan-kuasa Perundangan Setia Kawan Melayu Raya di-Kuching pada 18 dan 19 December yang lalu telah melawat ka-Brunei baharu2 ini.

Mereka itu ia-lah Dato Ong Yoke Lin, Menteri Kesehatan dan Kebajikan Masharakat, Persekutuan Tanah Melayu; Inche Ismail Yusof, Menteri Muda Kementerian Dalam Negeri, Persekutuan Tanah Melayu; Dato Abdul Hamid bin Haji Jumat, Ahli Dewan Perhimpunan Undangan, Singapura dan Inche S.T. Bani, Wakil dari Barisan Socialis, Singapura.

Dato Ong, Inche Ismail dan Dato Hamid telah melawat ka-

Brunei pada 25 December sa-lepas melawat ka-Sandakan, Kudat dan Jesselton di-Borneo Utara.

Inche Ismail telah berangkat balek ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang pada 26 December, manakala Dato Ong dan Dato Hamid pula telah berlepas dari Brunei pada 27 December.

Lawatan mereka itu ka-negeri ini ia-lah sa-chara tidak rasmi. Ketiga2 orang diplomat itu telah mengadap Duli Yang Maha Mu-

lia Maulana Al-Sultan sa-masa berada di-Brunei.

Ini-lah kali yang ke-empat Dato Abdul Hamid melawat ka-Brunei, kali yang ke-dua Inche Ismail melawat ka-negeri ini dan kali yang pertama Dato Ong melawat ka-Brunei.

Inche S.T. Bani telah melawat ka-Brunei dari Kuching pada 22 December dan balek ka-Singapura pada 25 December.

**Meshuarat J.-K.
Melayu Raya**

KUCHING. — Jawatan Kuasa Perundangan Setia Kawan Melayu Raya kali yang kedua yang telah bermeshuarat di-Kuching pada 18 dan 19 December yang lalu telah menanggohkan meshuaratnya hingga ka-hari Sabtu 6 January, 1962.

Meshuarat yang ketiga itu akan di-adakan di-Kuala Lumpur.

Dalam sidang yang telah dilangsungkan di-Kuching pada bulan yang lalu, wakil2 dari Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sarawak dan Borneo Utara telah melaporkan kemajuan2 yang telah di-buat oleh negeri masing2 berkenaan dengan penubuhan Persekutuan Melayu Raya.

Atas: Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali dari Brunei kelihatan sedang memberi ucapan di-Meshuarat Jawatan Kuasa Perundangan Setia Kawan Melayu Raya di-Kuching pada bulan December yang lalu. Dudok dari kiri ia-lah Inche George Nawn Ah Foott, Y.B. Tuan Haji Jamil dan Y.B. Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusof.

Tengah: Dato Ong Yoke Lin dari Persekutuan Tanah Melayu kelihatan sedang berucap di-meshuarat tersebut.

Bawah: Gambar ramai wakil2 dari Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sarawak dan Borneo Utara yang menghadiri meshuarat Jawatan Kuasa Perundangan Setia Kawan Melayu Raya di-Kuching pada 18 dan 19 December, 1961.

